

186

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD**

**SOALAN : NO. 164**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah biasiswa pengajian tinggi yang telah dikeluarkan pada 2017 berbanding dengan 2015 .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menawarkan program penajaan biasiswa dan bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Penajaan yang disediakan adalah untuk warganegara Malaysia dan pelajar antarabangsa.

Biasiswa dan bantuan kewangan di peringkat pendidikan tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia.

Pada tahun 2015, sebanyak 41,552 penawaran penajaan telah disediakan oleh KPT. Manakala pada tahun 2017, sebanyak 20,140 penawaran penajaan telah disediakan.